

Wajib vaksin masih dikaji

UM - 17/10/2021 m/s: 3

Oleh MOHAMAD HAFIZ
YUSOFF BAKRI

hafiz.yusoff@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, kerajaan belum memutuskan untuk mewajibkan pengambilan vaksin Covid-19.

Perdana Menteri berkata, cadangan tersebut masih di peringkat kajian sebelum diputuskan Kabinet sama ada terdapat keperluan mewajibkan vaksin berkenaan atau sebaliknya.

Bagaimanapun, beliau dalam masa yang sama menggesa dan memberi galakan kepada semua pihak mendapatkan suntikan tersebut bagi menikmati pelbagai keistimewaan sebagai penerima lengkap vaksin.

“Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Mohd. Khairul Adib Abd. Rahman sudah mengeluarkan arahan kepada kakitangan kerajaan mengambil vaksin. Kalau tidak, tindakan akan dikenakan. Begitu juga Kementerian Pertahanan yang sudah keluaran arahan kepada mereka yang tidak mengambil vaksin dianggap melanggar arahan kementerian.

“Malah urusan lain seperti



ISMAIL Sabri Yaakob meninjau sekitar Perumahan Awam Seri Perak, Bandar Baru Sentul, Kuala Lumpur, semalam. - FB DATUK SERI ISMAILSABRI YAAKOB

umrah juga diwajibkan Kerajaan Arab Saudi dan kita jangka syarat yang sama juga diwajibkan bagi mereka yang ingin mengerjakan haji,” katanya ketika ditemui pemberita selepas meninjau penyelenggaraan lif di Perumahan Awam Seri Pe-

rak, Bandar Baru Sentul, Kuala Lumpur, dekat sini, semalam.

Sementara itu, Ismail Sabri berkata, tindakan tegas wajar dikenakan kepada kumpulan antivaksin dan kerajaan berpegang kepada prinsip melindungi kelompok majoriti ber-

banding kelompok kecil.

“Antivaksin yang menyebarkan cerita tidak betul, fitnah dan berita palsu akan dikenakan tindakan. Tindakan bukan dikenakan sebab mereka antivaksin, tetapi kerana mereka sebar berita palsu,” jelasnya.